

**Tarikh Dibaca: 05 MEI 2023M / 14 SYAWWAL 1444H**



# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“ADAB BERTAMU KETIKA BERPUASA”***

\*\*\*

***Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## "ADAB BERTAMU KETIKA BERPUASA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَالِيِّ : وَمَن يُطِعُ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا

<sup>1</sup> عَظِيمًا ٧١

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ <sup>2</sup> ٣٦

Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kehadrat Allah SWT, iaitu menurut segala perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. supaya kita memperoleh keredaan dan keberkatan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Khutbah pada hari ini adalah bertajuk "**ADAB BERTAMU KETIKA BERPUASA.**"

<sup>1</sup> Al-Ahzab : 71

<sup>2</sup> ali-Imran : 102



## Muslimin yang dirahmati sekalian,

Alhamdulillah, kini kita masih merayakan Idulfitri dalam bulan Syawwal, bulan yang disunatkan juga kita berpuasa enam hari yang dikenali sebagai Puasa Enam. Barangkali ada dalam kalangan kita yang sudah menyempurnakan puasa sunatnya, kita ucapkan tahniah, manakala bagi yang belum selesaikan puasanya, ruang untuk menyempurnakan puasa sunat Syawwal masih terbuka sehingga menjelangnya bulan Zulqae'dah. Kelebihannya amat kita maklumi berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Tsauban Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

صِيَامُ شَهْرٍ بِعَشْرَةِ أَشْهُرٍ وَسِتَّةِ أَيَّامٍ بَعْدَهُنَّ بِشَهْرَيْنِ  
فَذَلِكَ تَمَامُ سَنَةٍ

*"Berpuasa sebulan (bulan Ramadhan) disamakan dengan berpuasa sepuluh bulan, dan berpuasa enam hari selepasnya (bulan Syawwal) disamakan dengan berpuasa dua bulan, maka yang sedemikian itu genaplah berpuasa setahun."*

*(Hadis riwayat ad-Darimi).*

## Hadirin Jumaat sekalian,

Allah SWT memberi peluang kepada kita dalam hidup ini, meraih ganjaran pahala yang besar melalui ibadah puasa. Selepas melaksanakan kewajipan berpuasa bulan Ramadhan, kita disunatkan pula berpuasa sunat Syawwal enam hari, dan beberapa jenis puasa sunat yang lain. Antaranya;



**Pertama:** Puasa hari Arafah pada 9 Zulhijjah, khusus kepada mereka yang tidak dalam melaksanakan ibadah Haji.

**Kedua:** Puasa hari Tasu'a iaitu berpuasa pada hari kesembilan bulan Muharram.

**Ketiga:** Puasa hari Asyura iaitu hari ke-10 bulan Muharram.

**Keempat:** Puasa sunat hari Isnin dan Khamis sepanjang tahun.

**Kelima:** Puasa hari-hari Baid (البيض) iaitu hari ke 13, 14 dan 15 pada setiap bulan Islam.

**Keenam:** Bulan-bulan haram (أشهر الحرم) iaitu puasa bulan Rajab, Zulqa'dah, Zulhijjah dan Muharram.

**Ketujuh:** Puasa bulan Sya'ban.

**Kelapan:** Puasa hari-hari Sud (السود) iaitu 28, 29, dan 30 pada tiap-tiap bulan.

Persolan mungkin timbul, bagaimanakah kita hendak menyempurnakan ibadah puasa sunat, ketika kita menghadiri undangan majlis jamuan, seperti meraikan hari raya, walimatul urus, kenduri-kendara atau sebagainya. Apakah yang harus kita lakukan ?

**Muslimin yang dirahmati Allah SWT,**

Sesungguhnya amalan ziarah-menzirahi atau menghadiri undangan majlis jamuan termasuk rumah terbuka hari raya adalah satu amalan yang baik, lebih-lebih lagi jika memberi peluang kepada kita berkenalan, menjalin silaturahim, bemaaf-maafan, menemui saudara-mara lantas



mengukuhkan persahabatan. Menurut Ibnu Umar Radiallahuanhu, seorang sahabat Rasulullah SAW apabila diundang ke majlis jamuan, dia tetap memenuhi undangan tersebut, walau pun dalam keadaan berpuasa sunat. Ini berpandukan hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا دُعِيَ أَحَدُكُمْ فَلْيُجِبْ فَإِنْ كَانَ صَائِمًا فَلْيُصَلِّ وَإِنْ  
كَانَ مُفْطِرًا فَلْيَطْعَمْ

*"Apabila dijemput seorang dalam kalangan kamu ke majlis jamuan, maka hendaklah dia memenuhi jemputan. Jika dalam keadaan berpuasa sunat, maka doakanlah tuan rumah itu. Jika tidak berpuasa maka makanlah."*

*(Riwayat Muslim).*

Hal ini menunjukkan bahawa setiap undangan ke sesuatu majlis jamuan tidak boleh dipandang ringan, ianya satu kesalahan jika tidak menghadirinya dengan sengaja, tanpa keuzuran. Mereka yang sedang berpuasa sunat, diharuskan berbuka puasa, bahkan sunat berbuka seandainya tuan rumah itu kelihatan tersinggung atau kecewa jika kita tidak menjamah makanan yang dihidangkannya.

Demikian juga halnya jika tuan rumah yang menjemput tetamu atau didatangi oleh tetamu pada hal tuan rumah itu sedang berpuasa sunat, jika tetamunya itu keberatan menjamah makanan yang dihidangkannya, kecuali tuan rumah yang sedang berpuasa itu turut makan bersama, maka sebagai menghormati tetamu, adalah lebih afdal bagi tuan rumah itu



berbuka dan makan bersama-sama tetamunya daripada meneruskan puasanya.

Hal ini berlaku ketika Rasulullah SAW berkunjung kerumah Ummu Hani Radiallahuanha, beliau menghidangkan minuman kepada baginda. Setelah baginda meminumnya, baginda berikan pula minuman itu kepada Ummu Hani, lalu Ummu Hani pun meminum bakinya. Kemudian Ummu Hani berkata:

إِنِّي أَذْنَبْتُ فَاسْتَغْفِرِي. فَقَالَ: وَمَا ذَلِكَ؟ قَالَتْ: كُنْتُ صَائِمَةً فَأَفْطَرْتُ. فَقَالَ: أَمِنْ قَضَاءٍ كُنْتِ تَقْضِينَهُ؟ قَالَتْ: لَا، قَالَ: فَلَا يَضُرُّكَ.

"(Kata Ummu Hani) Aku telah berdosa, maka mintakanlah keampunan untukku. Rasulullah SAW bertanya; Apakah dosamu itu? Ummu Hani berkata:" Aku ni berpuasa, dan aku telah berbuka". Baginda bertanya lagi; Adakah puasa qadha yang engkau lakukan itu? Ummu Hani menjawab: Tidak. Baginda bersabda; (membatalkan puasa sunat itu) tidak memberi mudarat kepadamu."

(Riwayat at-Tirmizi).

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Said al-Khudri Radiallahuanhu beliau berkata; "Aku membuat makanan untuk Rasulullah SAW, lalu baginda dan sahabat-sahabat baginda datang. Maka apabila makanan dihidangkan, seorang lelaki daripada satu kaum berkata; Sesungguhnya aku sedang berpuasa. Maka Rasulullah SAW bersabda;



دَعَاكُمْ أَخُوكُمْ وَتَكَلَّفَ لَكُمْ، ثُمَّ قَالَ لَهُ أَفْطِرْ وَصُمْ  
مَكَانَهُ يَوْمًا إِنْ شِئْتَ

"Saudara kamu menjemput kamu dan bersusah payah untuk kamu. Kemudian Baginda menyambung sabdanya; Berbukalah dan berpuasalah pada hari lain, sebagai gantinya jika kamu mahu."

(Riwayat al-Baihaqi).

Menurut kitab Mughni al-Muhtaj, seandainya tuan rumah tidak tersinggung apabila tetamunya berpuasa sunat, maka lebih utama tetamu itu meneruskan puasanya. Jika dia berbuka, tidak akan beroleh pahala puasa yang telah dilakukannya. Berlainan halnya jika tuan rumah berpuasa, dan berbuka kerana ingin menemani temannya makan, maka puasanya itu beroleh pahala, walaupun dia tidak menyempurnakan puasanya itu. Menurut para ulama, seseorang yang tidak meneruskan puasa sunatnya tanpa keuzuran, adalah hukumnya makruh. Hal ini berdasarkan zahir daripada firman Allah SWT dalam surah Muhammad ayat 33:

وَيَأْتِيهَا الَّذِينَ عَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَلَا تُبْطِلُوا  
أَعْمَلَكُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasul Allah dan janganlah kamu batalkan amal-amal kamu!"



Demikian juga menurut Mazhab al-Syafie, orang yang tidak meneruskan puasa sunat, sama ada kerana keuzuran atau pun tidak, maka tidaklah wajib ke atasnya mengqada puasa itu. Bahkan hukum mengqadanya adalah sunat sahaja. Walau bagaimana pun, jika seseorang menghadiri sesuatu majlis jamuan, sedangkan ia berpuasa yang wajib seperti berpuasa qada atau puasa nazar, maka haram baginya berbuka. Cukuplah baginya sekadar menghadiri majlis tersebut dan mendoakan keberkatan serta keampunan keatas tuan rumah dan para jemputan yang hadir.

### **Saudara-saudara sekalian,**

Bagi mengakhiri khutbah ini, marilah kita menghayati beberapa saranan berikut:

1. Umat Islam mestilah memenuhi undangan saudaranya tanpa sesuatu keuzuran, walaupun dia sedang berpuasa sunat.
2. Umat Islam harus membatalkan puasa sunatnya jika diperlukan, bagi menjaga hubungan kasih sayang kepada yang mengundangnya.
3. Umat Islam yang berpuasa Qada atau nazar, haram membatalkan puasanya, semata-mata untuk kegembiraan kepada yang mengundangnya.
4. Umat Islam yang beriman dan beramal soleh, akan beroleh ganjaran besar daripada Allah iaitu syurga.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَمَن يَعْمَلُ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَئِكَ  
يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا

١٢٤

"Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka mereka itu akan masuk Syurga dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikitpun."

(Al-Nisa : ayat 124).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ  
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الْطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ  
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ  
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا  
اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الْذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَةٌ  
عَلَيْهِ وَسَلِيمٌ ۝  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ،  
وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعِينِ  
عِنَائِيكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحَفْظِ وِقَائِتكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ  
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سَلاَغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ  
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين عبد  
العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالْتَّوْفِيقَ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلاَغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ  
شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج، فِيْ  
أَمْنِ وَصَلَاحِ وَعَافِيَةِ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.  
اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوَظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga



Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِذْفُعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرْضَ  
وَالشَّدَادِ وَالْمَحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِإِجَابَةٍ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ  
إِمَاماً. رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ . ۲۰



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.